

BAB III

KONDISI UMUM PULAU BAWEAN

3.1 Lokasi Geografi Dan Pentadbiran

Pulau Bawean merupakan pulau kecil yang hanya terdiri dari dua Kecamatan.¹⁹⁴ Menurut Abdullah Baginda, Pulau Bawean mempunyai keluasan kira-kira 19,204 hektar (sekitar 46,115 ekar) wilayah, terletak di laut Jawa antara pulau yang besar iaitu Pulau Jawa dan Borneo.¹⁹⁵ Pulau ini berada pada posisi 48 batu dari utara Ujung Pangkah Lamongan, yang terbentang antara $5^{\circ} 43$ dan $5^{\circ} 52$ lintang selatan dan $112^{\circ} 34$ dan $112^{\circ} 44$ bujur timur.¹⁹⁶

Sementara mengikut hasil penyelidikan Vredembregt, Pulau Bawean mempunyai keluasan 200 km persegi.¹⁹⁷ Jalan yang melingkari pulau ini sepanjang 55 km. Oleh sebab itu, untuk mengelilingi pulau ini hanya memerlukan masa satu hari sahaja dengan menggunakan basikal, sedangkan kalau menggunakan motosikal hanya di tempuh 3 - 4 jam. Kemudahan jalan raya yang sudah menggunakan tar, termasuk juga jalan antara kampung ke kampung yang lain, ia merupakan hasil program gotong royong dan kerja keras masyarakat tempatan, di samping juga bantuan dari kerajaan.

Secara geologi membuktikan bahawa Pulau Bawean merupakan kesan gunung api yang terdiri dari batuan alkali yang kurang mengandungi asid silicon. Bahan vulkanis terutama terdiri dari dasar laut yang berada pada ketinggian 656

¹⁹⁴Lihat lampiran A (iii), Peta Pulau Bawean

¹⁹⁵Abdullah Baginda (t.t), "Our Baweanese People", *Intisari*, Vol. 2, No. 4. Singapore: Malaysian Sociological Research Institute Ltd, h.18

¹⁹⁶*Ibid.*, h. 18

¹⁹⁷Jacob Vredembregt, *op. cit.*, h. 13

meter yang terdapat di tengah pulau pada dinding kawah yang menghadap ke utara. Angin laut yang sering menghembus kencang menyebabkan pulau ini lebih segar dari pada pesisir utara Pulau Jawa.¹⁹⁸

Pulau ini terdiri dari pada banyak bukit-bukit. Menurut pengamatan Jawa Pos (19 Okt 1990) terdapat sebanyak sembilan puluh sembilan bukit di Pulau Bawean.¹⁹⁹ Bawean di kenal sebagai pulau yang kaya dengan bukit, sehingga apabila dilihat dari kejauhan di tengah-tengah lautan, ternampak bukit-bukit yang menjulang di pulau tersebut.

Secara pentadbiran Pulau Bawean merupakan bahagian dari wilayah tingkat II kabupaten Gresik, propinsi Jawa Timur. Pulau tersebut terbahagi kepada dua kecamatan atau pembahagian wilayah pentadbiran di Bawean yang di ketuai oleh *Wedana* atau *Camat*,²⁰⁰ iaitu kecamatan Sangkapaura dan kecamatan Tambak, di mana setiap sub-distrik di ketuai oleh Assistant District Officer atau seorang *Camat*. Dari dua kecamatan ini mempunyai keluasan wilayah masing-masing yang berbeza, kecamatan Tambak mempunyai batas wilayah iaitu sebelah utara laut Jawa, sebelah timur laut Jawa, sebelah selatan kecamatan Sangkapura Kabupaten Gresik dan sebelah barat laut Jawa. Keluasan wilayah mencapai seluas 78.70 km² yang terdiri dari tanah sawah 1.296.00 ekar, pekarangan halaman

¹⁹⁸*Ibid.*, h. 13

¹⁹⁹Drajat Tri Kartono (2004), *Orang Boyan Bawean Perubahan Lokal Dalam Transformasi Global*. Surakarta: Pustaka Cakra, h. 3

²⁰⁰Sultan Mohammad Zain (t. t.), *Kamus Modern Bahasa Indonesia*. Jajasan Dharma, h. 1085-1086. *Kecamatan* adalah daerah bahagian kabupaten atau kota madya yang mempunyai beberapa kelurahan di bawahnya dan di ketuai oleh seorang camat. Sedangkan *Camat* ialah pengetua pemerintahan daerah di bawah Bupati, Datuk Bandar yang mengetuai wilayah tertentu. (Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei (2003), *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*. Berunei Darussalam, h. 433

564.48 ekar, tegal 2.242.44 ekar, hutan negara 944.64 ekar, lain-lain 2.822.74 ekar.²⁰¹ Lebih terperinci lihat jadual dibawa ini,

Jadual 3.1

Luas Wilayah Kecamatan Tambak

Tanah	Luas	Ekar
Tanah Sawah	1.296.00	Ekar
Pekarangan Halaman	564.48	Ekar
Tegal / Kebun	2.242.14	Ekar
Hutan Negara	944.64	Ekar
Tambak	-	Ekar
Lain-lain	2.822.74	Ekar
Jumlah	7.870.00	Ekar

Sumber: Kecamatan Tambak dalam Angka 2008

Sedangkan batas wilayah kecamatan Sangkapura di sebelah selatan utara kecamatan Tambak Kabupaten Gresik, sebelah timur laut Jawa, sebelah selatan laut Jawa, sebelah barat laut Jawa dengan keluasan wilayah 118.72 km² yang terdiri dari tanah sawah 1.906.00 ekar, pekarangan halaman 1.871.00 ekar, tegal kebun 4.238.00 ekar, tambak 39.00 ekar, hutan negara 1.758.00, lain-lainnya 2.060.00 ekar.²⁰² Lebih jelas lihat jadual dibawa ini,

Jadual 3.2

Luas Wilayah Kecamatan Sangkapura

²⁰¹Kordinasi Geografi (2009), "Letak Geografis Kecamatan Tambak". Dalam, Badan Pusat Statistik Kabupaten Gresik (2009), "Kecamatan Tambak Dalam Angka 2008". Gresik: Badan Pusat Statistik Kabupaten Gresik, h. 2

²⁰²Kordinasi Geografi (2009), "Letak Geografis Kecamatan Sangkapura". Dalam, Badan Pusat Statistik Kabupaten Gresik (2009), "Kecamatan Sangkapura Dalam Angka 2008". Gresik: Badan Pusat Statistik Kabupaten Gresik, h. 2

Tanah	Luas	Ekar
Tanah Sawah	1.906.00	Ekar
Pekarangan Halaman	1.871.00	Ekar
Tegal / Kebun	4.238.00	Ekar
Hutan Negara	1.758.00	Ekar
Tambak	39.00	Ekar
Lain-lain	2.060.00	Ekar
Jumlah	11.872.00	Ekar

Sumber: Kecamatan Sangkapura dalam Angka 2008

Dari dua Kecamatan tersebut terdiri dari 30 desa. Kecamatan Sangkapura terdiri dari 17 kelurahan atau desa. Sementara kecamatan Tambak berjumlah 13 kelurahan. Di mana masing-masing kelurahan di ketuai oleh seorang lurah, menurut Sardi bin Sharif, kelurahan dalam bahasa Malaysia di sebut *mukim*, sedang lurah di sebut *penghulu*.²⁰³ Satu kelurahan biasanya terdiri dari 4 sampai 5 dusun atau kampung.²⁰⁴ Kecamatan Sangkapura ini juga dijadikan sebagai pusat Bandar, sebab di sinilah berbagai aktiviti ekonomi telah dijalankan. Selain daripada itu, adanya kemudahan pelabuhan yang menghubungkan antara Pulau Bawean dengan Gresik.²⁰⁵

Perjalanan dari Bawean ke Gresik dapat ditempuh selama sebelas jam dengan menaiki kapal laut biasa, sementara dengan menaiki kapal laut yang mempunyai enjin jet atau kapal cepat, ia boleh sampai dalam tempoh hanya dua atau tiga jam sahaja.

²⁰³Sardi Bin Sharif (1966), "Pondok-pondok Dan Peranannya Kepada Masyarakat Bawean di Singapore" (Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, University Malaya), h. 4

²⁰⁴Statistik Kecamatan Sangkapura dan Tambak 2008

²⁰⁵Abdullah Baginda, *op. cit.*, h. 19

Di persekitaran Pulau Bawean masih terdapat pulau-pulau kecil, di mana beberapa pulau kecil itu ada yang berpenghuni dan ada yang tidak berpenghuni. Di kecamatan Tambak misalnya, ada Pulau Batu Kerbau, Karang Billah, Pulau Tanjung Cina dan Pulau Nusa. Sementara di kecamatan Sangkapura pula ada Pulau Gili, Noko, Selayar dan Pulau Telur, dari beberapa pulau tersebut yang berpenghuni hanya Pulau Bawean dan Pulau Gili.

3.2 Asal Mula Penduduk Pulau Bawean

Tiada sebarang catatan atau nota mengenai penghuni penduduk asli Pulau Bawean. Kalau dilihat dari segi bahasa daerah yang dipakai dan cara perbualan mereka hampir serupa dengan bahasa dan perbualan orang-orang Madura. Berdasarkan dari hal ini berkemungkinan bahawa orang-orang Bawean berasal dari Madura yang berhijrah ke pulau ini sekitar pertengahan abad ke-15. Walaupun demikian mereka tidak mahu di gelar sebagai orang Madura. Selain pendatang dari Madura, ada juga pendatang dari tempat-tempat lain seperti dari Pulau Jawa, Sulawesi, Kalimantan dan Sumatera.²⁰⁶ Bahkan Suatu ketika dahulu beberapa orang Cina juga pernah tinggal di pulau ini, namun di sebabkan telah terjadi keganasan pada tahun 1944 beberapa di antara mereka telah mati terbunuh. Kampung yang pernah diduduki oleh orang Cina disebut kampung Pacinan, terletak di kelurahan Sungaiteluk kecamatan Sangkapura.²⁰⁷ Sejak dari peristiwa itu, maka tidak ada lagi orang-orang Cina yang tinggal di Pulau Bawean. Menurut Jacob Vredenburg yang dikutip dari Dhiyauddin Qushwandhi mengatakan, bahawa hingga tahun 1988 tidak ada orang Cina yang membentuk kebudayaan

²⁰⁶Mariam Mohamed Ali (1996), "Ethnic Hinterland: Contested Spaces Between Nations And Ethnicities In The Lives Of Baweanese Labor Migrants" (Thesis, The Department Of Anthropology, Harvard University Cambridge), h. 19

²⁰⁷Penjelasan dari Kyai. R. Abdurrahman sebagai tokoh masyarakat dan Suhaimi ketua pejabat kecamatan Sangkapura, tarikh 2 Sep 2010

sendiri, mereka sudah bercampur dengan kehidupan orang Bawean, namun masih mengaku sebagai keturunan Cina dan bertempat tinggal di suatu kampung dengan nama Pacinan.²⁰⁸

Secara majoritinya, penduduk Pulau Bawean adalah pendatang berasal daripada Madura. Dengan peredaran masa, para pendatang yang awalnya membawa kebudayaan masing-masing dari tempat asal telah membentuk satu kebudayaan yang diberi nama kebudayaan Bawean. Kebudayaan Bawean banyak dipengaruhi oleh unsur-unsur kebudayaan Melayu, ini mungkin kerana kebanyakan penduduk Bawean banyak yang merantau, khususnya ke Singapura dan Malaysia.²⁰⁹

Jumlah penduduk yang terbanyak terdapat di desa Daun kecamatan Sangkapura dengan jumlah penduduk 5,374 jiwa dan penduduk yang paling sedikit terdapat di desa Sukalela kecamatan Tambak yang hanya berjumlah 518 jiwa. Purata usia penduduk yang bekerja antara 16-50 tahun.²¹⁰

Secara keseluruhan jumlah penduduk di Pulau Bawean berdasarkan jantina pada tahun 2010, dapat dilihat pada masing-masing jadual dibawa ini, kecamatan Sangkapura.²¹¹

Jadual 3. 3

Jumlah Penduduk Kecamatan Sangkapura

No	Desa	Jenis Kelamin		Jumlah (Jiwa)
		Lelaki	Perempuan	
1	Daun	2,584	2,790	5,194
2	Kebontelukdalam	1,465	1,560	3,025

²⁰⁸Dhiyauddin Qushwandhi (2008), *Waliyah Zainab Putri Pewaris Syekh Siti Jenar Sejarah Agama Dan Peradaban Islam Di Pulau Bawean*. Gresik: Yayasan Waliyah Zainab Diponggo, h. 70

²⁰⁹Vredenbregt, *op. cit.*, h. 5

²¹⁰Cuk Sugrito dan Mahasiswa Universiti Gaja Mada Yogyakarta (2005), "Studi Populasi Rusa Bawean" (Kertas Projek, Fakulti Kehutanan, Universiti Gaja Mada), h. 28

²¹¹Wawancara dengan Dian Fatlahah sebagai Kordinasi Pusat Statistik Kecamatan Sangkapura 2010, tarikh 2 Sep 2010

3	Kumalasa	1,198	1,398	2,596
4	Lebak	1,983	1,961	3,944
5	Dekatagung	1,082	1,163	2,245
6	Balikterus	850	1,002	1,852
7	Bululanjang	836	990	1,826
8	Sungai Teluk	1,142	1,219	2,361
9	Kotakusuma	1,061	1,165	2,226
10	Sawahmulya	1,290	1,466	2,756
11	Sungairujing	1,248	1,432	2,680
12	Sidogedungbatu	2,074	2,158	3,816
13	Gunungteguh	1,676	1,917	3,593
14	Patarselamat	1,098	1,422	2,520
15	Pudakittimur	643	678	1,321
16	Pudakitbarat	645	679	1,324
17	Suwari	790	863	1,653
Jumlah		21,665	23,863	45,528

Sumber: Kordinasi Pusat Statistik Kecamatan Sangkapura 2010

Dilihat dari jadual di atas, jumlah penduduk perempuan di kecamatan Sangkapura lebih banyak dari pada lelaki. Hal ini sudah menjadi lumrah di manapun tempat penduduk perempuan lebih banyak jumlahnya daripada lelaki, tidak terkecuali di Pulau Bawean. Ini terjadi di Pulau Bawean mungkin disebabkan oleh banyaknya kaum lelaki terutama sekali yang masih muda merantau keluar daerah dan keluar negara.

Sementara jumlah penduduk di kecamatan Tambak berdasarkan jantina tahun 2010 dapat dilihat pada jadual dibawa ini.²¹²

Jadual 3. 4

Jumlah Penduduk Kecamatan Tambak

No	Desa	Jenis Kelamin		Jumlah (jiwa)
		Lelaki	Perempuan	
1	Sukaoneng	821	941	1,762
2	Kepuh Teluk	1,206	1,367	2,573
3	Paromaan	815	948	1,763
4	Diponggo	287	408	695
5	Kelompanggubug	560	655	1,215
6	Teluk Jatidawang	1,503	1,593	3,096
7	Gelam	704	828	1,532

²¹²Wawancara dengan Guntur Heriyanto sebagai Kordinasi Pusat Statistik Kecamatan Tambak 2010, tarikh 18 Ogos 2010

8	Sukalela	248	270	518
9	Pakalongan	655	769	1,424
10	Tambak	1,570	1,768	3,338
11	Grejek	148	204	352
12	Tanjungori	1,664	2,149	3,813
13	Kepuh Legundi	1,091	1,201	2,292
Jumlah		11,272	13,101	24,373

Sumber: Kordinasi Pusat Statistik Kecamatan Tambak 2010

Seperti halnya juga di kecamatan Sangkapura, penduduk kecamatan Tambak lebih banyak perempuan jumlahnya daripada lelaki. Desa Tanjung Ori, Tambak dan teluk Jati Dawang merupakan desa-desa dengan jumlah penduduk terbesar di kecamatan ini.

Sedangkan dalam kajian Drajat Tri Kartono terdahulu, ada menyatakan data jumlah penduduk Pulau Bawean,²¹³ di mana ia dapat dilihat pada jadual dibawa ini:

Jadual 3. 5

Penduduk Pulau Bawean

Tahun	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Sumber
1812-1813	Td	Td	14.319	Raffles, 1831;70
1846	Td	Td	27.224*	Lekkerkerker, 1935;437
1900	18.613	23.675	42.286	Sensus Hindia Belanda 1900
1920	14.480	19.855	34.355	Sensus Hindia Belanda 1920
1960	11.913	17.947	29.860	Sensus Hindia Belanda 1960
1961	23.837	28.635	52.472	Sensus Penduduk 1961
1964	27.217	32.217	59.525	Kantor Wedana Bawean
1990	28.575	33.226	61.801	BPS Gresik
1997	31.448	34.643	66.091	BPS Gresik

Sumber : Vredenbregt, 1990

Keterangan :

Td : Tidak ada data

* : Tidak termasuk orang asing

Penduduk pulau Bawean secara keseluruhan mengikut data statistik merupakan penduduk beragama Islam dan seratus peratus tempat ibadah yang tersedia adalah untuk umat Islam (masjid, surau atau langgar dalam bahasa

²¹³Drajat Tri Kartono, *op. cit.*, h. 7

Bawean).²¹⁴ Orang Bawean juga taat dan patuh dalam menjalankan ajaran Islam. Melihat pada hasil sensus kecamatan Sangkapura dan kecamatan Tambak, jumlah penduduk pulau Bawean terjadi peningkatan jumlahnya. Sementara tempat ibadah tidak berubah keseluruhannya merupakan tempat ibadah untuk orang Islam, yang terdiri dari masjid dengan jumlah 118 buah dan surau berjumlah 338 buah.²¹⁵

3.3 Sumber Penghasilan Penduduk Pulau Bawean

Sebagaimana umumnya penduduk Indonesia yang merupakan masyarakat petani, maka dari itu sumber penghasilan penduduk Pulau Bawean juga sebahagian besarnya adalah di bidang pertanian. Usaha pertanian dilakukan di persawahan sepanjang tahun bagi yang mendapat pengairan terus menerus dari sumber air hutan lindung di daerah hutan, namun bagi sebahagian persawahan terjadi kekurangan air pada masa musim kemarau. Pada masa kemarau demikian mereka membiarkan lahan mereka kosong atau ditanami dengan tanaman yang lain selain padi. Belum adanya empangan air di Bawean menyebabkan pertanian hanya bergantung air dari hujan sahaja, sehingga usaha pertanian tidak berapa begitu menghasilkan secara penuh di musim kemarau.

Pertanian merupakan pekerjaan utama bagi penduduk pulau Bawean. Penduduk pulau Bawean sumber penghidupannya bergantung kepada hasil pertanian, di kecamatan Sangkapura penduduk yang bekerja dalam bidang ini sebesar 75 peratus. Selainnya, di sektor industri 7%, binaan 3%, perdagangan 5%, pengangkutan 4%, jasa 5% dan lainnya 1%.²¹⁶ Sementara di kecamatan Tambak

²¹⁴*Ibid.*, h. 11

²¹⁵Sumber dari Pejabat Urusan Agama kecamatan Sangkapura dan kecamatan Tambak 2008, tarikh 20 Ogos 2010

²¹⁶Penjelasan dari Muhammad Djunaidi sebagai Kordinasi Kependudukan dan Tenaga Kerja kecamatan Sangkapura, tarikh 19 Ogos 2010

pertanian 46%, industri 1%, binaan 2%, perdagangan 1%, pengangkutan 2%, jasa 1%, lainnya 48%.²¹⁷ Dalam bidang pertanian, padi menjadi sebagai tanaman utama yang diusahakan di ladang persawahan di sekitar penempatan penduduk. Penanaman padi ini dilakukan setahun sekali mengikut musim yang ada di pulau Bawean, ketika panen tanaman ini menghasilkan 9.750.00 ton bagi kecamatan Sangkapura.²¹⁸ Sementara kecamatan Tambak menghasilkan 9.798.25 ton.²¹⁹ Ketika musim kemarau, mereka bercucuk tanam dengan tanaman lain seperti kacang tanah, jagung, kedelai, ubi kayu dan lain-lain. Penduduk Pulau Bawean masih membawa masuk beras dari Pulau Jawa ke Pulau Bawean, kerana hasil tanaman padi tidak mencukupi untuk keperluan penduduk di pulau ini. Sumber ekonomi lainnya ialah kerajinan tangan. Pandan dapat tumbuh tersebar di merata tempat di pulau ini, di mana daunnya dapat diguna pakai untuk bahan anyaman tikar yang diberi bermacam-macam warna. Tikar tersebut kemudian dikirim dan dijual ke Pulau Jawa.²²⁰ Hasil pertanian lainnya iaitu gula merah dari pohon palma dan berbagai jenis pisang. Walaupun pertanian merupakan aktiviti utama, pertanian dengan cara menebang dan membakar hutan tidak terdapat lagi di Pulau Bawean.²²¹

Selain pertanian, sumber penghasilan penduduk Bawean ialah nelayan. Nelayan di pulau ini pada umumnya belum menggunakan perahu bermotor besar atau menggunakan peralatan moden. Banyak sampan kecil yang biasa disebut

²¹⁷Penjelasan dari Adiluddin sebagai Kordinasi Kependudukan dan Tenaga Kerja Kecamatan Tambak, tarikh 17 Ogos 2010

²¹⁸Mantri Pertanian (2009), "Luas Panen dan Produksi Padi". Dalam, Badan Pusat Statistik Kabupaten Gresik (2009), "Kecamatan Sangkapura dalam Angka 2008". Gresik: Badan Pusat Statistik Kabupaten Gresik, h. 44

²¹⁹Mantri Pertanian (2009), "Luas Panen dan Produksi Padi". Dalam, Badan Pusat Statistik Kabupaten Gresik (2009), "Kecamatan Tambak dalam Angka 2008". Gresik: Badan Pusat Statistik Kabupaten Gresik, h. 46

²²⁰Muhamad Djunaidi dan Adiluddin, tarikh 19 dan 17 Ogos 2010

²²¹*Ibid.*

(dalam bahasa Bawean) “Jukong” dengan muatan 1-2 orang nelayan, masih banyak di jumpai di sepanjang pantai Pulau Bawean, terutama sekali ketika musim ikan tuna. Perahu layar yang cukup besar ada juga sedikit sebanyak terdapat di pulau ini. Alat yang mereka gunakan untuk menangkap ikan berupa jala dan sebagai buruan utama mereka adalah ikan kembung yang biasa disebut dalam bahasa Bawean dengan “*binkgul*”. Ikan ini ada yang dijual secara langsung di Pulau Bawean dan ada juga yang direbus, ia akan diasamkan, kemudian di susun rapi dalam periuk yang dibuat dari tanah liat dan dipasarkan ke Jawa dan Madura dalam jumlah yang besar. Ikan yang direbus ini disebut ikan pindang bagi orang Bawean, ia merupakan bahan perdagangan yang sudah lama dilakukan oleh orang-orang Bawean.²²²

Pembangunan industri ikan yang berlokasi dekat Sangkapura sudah hampir siap. Apabila projek ini sudah siap, maka diharapkan para nelayan akan menjual ikan hasil tangkapan mereka di kilang ini, dengan adanya kilang ini dapat meningkatkan industri perikanan setempat. Penambah baikan alat-alat perahu bermotor yang dilengkapi peralatan moden diharapkan akan dapat meningkatkan pendapatan nelayan tempatan dan ekonomi masyarakat Bawean.²²³

Di samping sumber penghasilan sebagai petani dan nelayan, banyak juga penduduk Bawean yang mengadakan perdagangan tekstil dan lain-lain, serta mencari nafkah dengan bekerja di luar Pulau Bawean.

3. 4 Nama Lain Pulau Bawean

Nama Bawean diambil dari perubahan kata “*Pawean*” yang berasal dari pawiwahan, dari asal kata wiwoho (bahasa kawi) yang mempunyai erti

²²²*Ibid.*

²²³Suhaimi, tarikh 2 Sep 2010

“perjumpaan” atau “pertemuan”. Pulau Bawean juga disebut pulau *Majedi*, yang diambil dari asal kata berbahasa arab, maujudi, yang bermakna “ada” sebagai membawa maksud temuan.²²⁴ Ada juga yang berpendapat bahawa kata Bawean berasal dari bahasa sansekerta yang mempunyai makna “ada sinar matahari”. Menurut cerita, pada tahun 1350 sekumpulan pelaut dari kerajaan Majapahit berdepan badai di tengah laut Jawa, sehingga akhirnya mereka terdampar di pulau Bawean pada masa matahari terbit. Dengan itu, kata Bawean mempunyai makna “ada sinar matahari”.²²⁵

Sementara di negara jiran iaitu Singapore dan Malaysia, Bawean dikenal dengan sebutan pulau *Boyan* atau orang *Boyan*. Jadi Bawean berubah nama menjadi Boyan disebabkan di kedua-dua negara ini ramai orang tidak dapat menyebut dengan betul sebutan *Bawean*. Ekoran dari itu, maka sebutan *Boyan* berkekalan sehingga ke saat ini.²²⁶ Kekeliruan dalam pengucapan ini telah memberikan kesan juga pada orang-orang Melayu, bahkan keturunan orang Bawean zaman kini pun menyebutnya demikian.

Selain daripada nama itu, Pulau Bawean sering juga dikenali dengan sebutan pulau *Puteri*.²²⁷ Namun di negara jiran baik Singapore dan Malaysia tidak dikenali sebutan pulau Puteri. Nama tersebut bagi Pulau Bawean bukan bererti kerana yang menghuni pulau ini kebanyakannya terdiri dari perempuan sebagaimana diungkapkan dalam data statistik di atas, atau sememangnya kerana kebiasaan kaum lelaki sering merantau keluar Pulau Bawean atau keluar negara, seperti Jakarta, Malaysia dan Singapore, sehingga keseluruhan penghuninya lebih

²²⁴Diyauddin Qushwandhi, *op. cit.*, h. 2

²²⁵http://id.wikipedia.org/wiki/pulau_Bawean#Flora_dan_Fauna, 18 agustus 2007

²²⁶Zainal Abidin Borhan, *op. cit.*, h. 52

²²⁷Abdullah Baginda, *op. cit.*, h. 20

banyak perempuan daripada lelaki. Akan tetapi nama pulau puteri itu mempunyai makna tersendiri dari pulau tersebut.²²⁸

3. 5 Kepercayaan Penduduk Pulau Bawean Sebelum Masuknya Islam

3. 5. 1 Pulau Bawean dalam masa kerajaan Majapahit

Wilayah kekuasaan Majapahit tidak sahaja meliputi Pulau Jawa, bahkan meluas sampai di luar Pulau Jawa seperti Sumatera, Borneo, Sulawesi, Madura, Bali dan lain sebagainya.

Majapahit ialah kerajaan terakhir Hindu-Budha yang sangat terkenal di Nusantara. Ianya ditubuhkan oleh Kartarajasa sekitar tahun 1293 berpusat di Jawa Timur dan berakhir pada tahun 1500.²²⁹

Puncak kejayaan Majapahit berada pada masa Hayam Wuruk tahun 1350 – 1389 dengan seorang pati Gaja Mada. Pada saat pati Gaja Mada inilah kerajaan Sriwijaya di Palembang dapat ditawan dan daerah-daerah kekuasannya dapat dikuasainya. Perluasan wilayah kekuasaan ini sampai ke pulau seberang atau Palembang bukan hanya untuk memperluaskan wilayah kuasa, akan tetapi yang paling penting bagi mereka adalah untuk menguasai kepentingan ekonomi yang sebelumnya dikuasai Sriwijaya, dengan kata lain memonopoli perdagangan antara pulau. Wilayah dan ekonomi kerajaan Sriwijaya dapat dikuasai oleh Majapahit, maka mereka mempermudah untuk menaklukkan daerah-daerah lain.²³⁰

²²⁸Di kenal dengan Pulau Puteri kerana secara metafisika berciri perempuan. Kalau dihubungkan dengan manusia, Bawean adalah makhluk Allah swt yang berjenis jantina perempuan, ditambah juga dengan keadaan kuburan Islam yang menjadi ikon rohani di pulau Bawean seperti Tanjung Puteri (Puteri Condrowulan) di pantai Komalasa, Djujuk Malokok (Nyi Ageng Maloko) di Gunung Teguh, Sangkapura, dan Keramat (Sayidah Waliyah Zainab) Diponggo. Dalam konteks ini adalah Tri-ratna atau tiga mutiara (baca:Waliyah) yang menjadi ikon rohani pulau tersebut sepanjang masa. Dhiyauddin Qushwandhi, *op. cit.*, h. 264-265

²²⁹http://MS.Wikipedia.Org/Wiki/Hayam_Wuruk, 4 Oktober 2009

²³⁰*Ibid.*

Dengan kejayaanya, mereka tidak ingin membiarkan begitu sahaja pulau-pulau kecil yang ada di kepulauan Indonesia terlepas dari kekuasaannya, termasuklah Pulau Bawean. Pulau ini secara pentadbiran pada masa itu mengikut wilayah kerajaan Tuban dan pada masa itu juga Tuban di bawah kekuasaan kerajaan dwi-tunggal Majapahit iaitu Hayam Wuruk-Gajah Mada. Ia di tambah dengan hakikat bahawa semua daerah pesisir termasuk Gresik, Surabaya, Madura termasuk wilayah kekuasaan mereka. Oleh kerana itu, secara otomatik Pulau Bawean termasuk ke dalam wilayah Majapahit.²³¹

Dengan penguasaan ke atas pulau ini, ia dapat mempermudah kawalan terhadap ekonomi di daerah-daerah pesisir. Tambahan pula, kedudukan pulau ini sangat strategik untuk memantau lalu lintas kapal-kapal dagang yang datang dari luar Pulau Jawa, lagi pula pulau ini sebagai tempat persinggahan atau transit kapal para pedagang dari berbagai kawasan.²³²

Ekoran dari kejayaan Majapahit menguasai perdagangan dan politik menjadikan semua wilayah harus tunduk dan patuh mengikuti keyakinan yang mereka jadikan pegangan iaitu Brahma, Shiwa, Wisnu dan Budha digabungkan menjadi satu keyakinan, dan Hindu-Budha inilah sebagai agama kerajaan yang rasmi.²³³

3.5.2 Jejak Kepercayaan Hindu-Budha di Pulau Bawean

Pulau Bawean sebelum Islam bertapak adalah serupa dengan pulau-pulau lain atau tempat-tempat lain yang menyembah benda-benda dan roh-roh halus yang dikira mengandungi kekuatan ghaib. Sama seperti halnya masyarakat pulau

²³¹M. Dhiyauddin Qushwandhi, *op. cit.*, h. 38

²³²*Ibid.*

²³³*Ibid.*, h. 38

Bawean pada masa dahulu yang dipengaruhi oleh keyakinan animisme, yakni kepercayaan kepada roh-roh yang mendiami sekalian benda (pokok-pokok, batu, sungai, gunung dan sebagainya).²³⁴ Selain daripada itu, keyakinan masyarakat Pulau Bawean yang lebih luas sebelum Islam bertapak adalah agama Hindu.²³⁵

Setiap agama atau anutan keyakinan yang pernah wujud di suatu tempat pasti meninggalkan jejak. Begitu juga halnya kebudayaan Hindu yang pernah wujud di Pulau Bawean sebelum datangnya Islam.

Jejak wujudnya kebudayaan Hindu ini dihubungkan dengan wujudnya desa Candi di dekat Danau Kastoba di Pulau Bawean. Dusun ini bernama Candi tidak serta-merta begitu sahaja, akan tetapi mempunyai latar belakang sejarah adanya peninggalan cagar budaya sebelumnya iaitu berupa Candi. Dengan adanya peninggalan budaya tersebut, maka dusun itu diberi nama dengan dusun Candi, dalam bahasa Bawean di sebut *Cjandhi*.²³⁶

Candi ini sekarang sudah tidak ada lagi, bahkan bekas-bekas bangunannya yang berupa serpihan batu merah telah dipakai sebagai bahan bangunan untuk rumah bagi penduduk setempat. Hal ini mengikut cerita orang-orang tua terdahulu yang menyaksikan sisa-sisa bangunan Candi tersebut. Di samping itu, di sekitar bekas Candi tersebut dianggap tempat yang keramat oleh penduduk setempat. Oleh kerana itu, pada masa-masa tertentu masyarakat setempat tersebut selalu melakukan upacara dengan cara meletakkan sesaji,²³⁷ (sajian atau makanan, bunga dan sebagainya yang disajikan untuk menjamu makhluk halus dan

²³⁴K. H. R. Abdurrahman (1992), "Risalah Singkat Memperkenalkan Pulau Bawean" (Kertas Kerja, Di sampaikan dalam kunjungan Menteri Sosial Republik Indonesia di Kantor Pembantu Bupati di Bawean, 17 Ogos 1992), h. 6

²³⁵*Ibid.*, h. 2

²³⁶M. Dhiyauddin Qushwandhi, *op. cit.*, h. 42

²³⁷Penjelasan dari Kafil Kamsidi sebagai tokoh masyarakat dan kepala desa Paromaan, tarikh 17 Ogos 2010

sebagainya).²³⁸ Dan sememangnya aktiviti sesaji seperti ini merupakan peninggalan budaya Hindu.

Kebiasaannya dalam budaya Hindu, Candi didirikan di tempat-tempat yang agak tinggi. Memang begitu juga dengan dusun Candi ini, secara topografi Pulau Bawean membuktikan bahawa dusun Candi merupakan kawasan puncak atau tertinggi dalam struktur alam Pulau Bawean iaitu ada pada ketinggian 656 M.²³⁹

Dusun Candi yang ada di kawasan pedalaman merupakan tempat pusat peradaban Hindu di zaman dahulu, hal ini merupakan simbol kejayaan mereka pada era Majapahit.

Agama Budha juga pernah bertapak di Pulau Bawean. Hal ini dihubungkan dengan keberadaan Aji Saka. Ia merupakan salah seorang raja keturunan Dinasti Asoka di India, di samping juga ia sebagai seorang biksu. Aji Saka ini merupakan tokoh yang berperanan penting dalam memperkenalkan huruf-huruf *honocoroko* yang mengandungi ajaran Budha di dalamnya. Ia datang ke Pulau Bawean mempunyai tujuan menyebarkan agama Budha. Di Pulau Bawean terdapat bukti prasasti berupa batu yang bertuliskan huruf-huruf Jawa kuno dan tanda tapak kaki berukuran besar terdapat di desa Lebak Sangkapura Bawean di tepi jalan lingkar Bawean, namun batu tersebut telah dihancurkan oleh masyarakat pada masa pembuatan pelebaran jalan dijadikan pondasi jambatan, hal ini terjadi sungguh sangat di sayangkan kerana kurang pengetahuan masyarakat

²³⁸*Kamus Bahasa Melayu Nusantara*. (2003), Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 2512

²³⁹M. Dhiyauddin Quswandhi, *op. cit.*, h. 40

terhadap cagar budaya masa lalu.²⁴⁰ Selain itu, Aji Saka juga dikenali sebagai pencipta abjad Jawa, kalender Jawa (tahun saka) dan undang-undang Jawa.²⁴¹

Agama sebelumnya termasuk juga mempengaruhi terhadap kebudayaan dan kesenian di Pulau Bawean. Masyarakat Pulau Bawean mempunyai tradisi *rokat* dan kesenian *dunkah*. Pada zaman dahulu budaya ini sangat besar mempengaruhi dalam kehidupan masyarakat, tapi sekarang sudah berkurangan pengaruhnya. Kedua tradisi ini lahir kerana mereka percaya dengan kekuatan ghaib yang menguasai darat dan lautan. Pada musim penghujan selalunya angin kencang dan ombak besar, di mana pada saat itu para nelayan tidak dapat mengambil ikan di laut. Oleh itu, agar tetap dapat mengambil ikan para nelayan pada musim penghujan sering mengadakan acara *rokat* untuk menghindari bahaya. Hal ini dilakukan dengan cara memotong lembu jantan untuk dijadikan tumbal, sementara kaki dan ekornya diletak dalam perahu kecil yang telah disediakan untuk diharung ke laut lepas. Sementara daging lembu tersebut dimasak untuk dimakan bersama-sama.²⁴²

Sedangkan tradisi kesenian *dunkah* dilaksanakan pada masa akan menuai padi. Alat *dunkah* ini terbuat dari kayu yang sangat besar dan panjang serta tangahnya diberi lubang seperti lesung. Fungsi *dunkah* ini sebenarnya alat untuk menumbuk padi menjadi beras, selain itu dipakai sebagai alat untuk kesenian ini dengan cara memukul secara beramai-ramai sehingga mengeluarkan bunyi yang bagus, hal inilah yang memberi tahu telah tiba masa panen padi untuk dituai.²⁴³

²⁴⁰*Ibid.*, h. 6-7

²⁴¹Martin Van Bruinessen (1995), *Kitab Kuning Pesantren dan Tarekat Tradisi-Tradisi Islam di Indonesia*. Bandung: Mizan, h. 43 - 44

²⁴²Penjelasan dari Cuk Sugrito sebagai budayawan pulau Bawean, tarikh 2 Sep 2010

²⁴³*Ibid.*

3. 5. 3 Cerita Tentang Raja Babileono

Menurut cerita,²⁴⁴ Pulau Bawean sebelum Maulana Umar Mas'ud menyebarkan agama Islam, di perintah oleh seorang raja yang menganut paham animisme. Raja itu bernama Babileono yang tinggal di kawasan Panagi, sekarang terletak di desa Bulu Lanjang.

Raja Babileono itu sangat kejam dan tidak mengerti rasa kemanusiaan serta sewenang-sewenang terhadap rakyatnya. Dan raja Babileono memerintah rakyatnya untuk menyembah batu-batu besar dan pokok-pokok besar yang aman. Menurut kisah, raja tersebut memiliki kekuatan ghaib dan kesaktian.

Raja Babileono telah lama berkuasa di Pulau Bawean dan sangat dipatuhi oleh rakyatnya, tapi sayang menganut agama kafir atau animisme. Keadaan ini akhirnya sampai kepada pengetahuan pemuda yang bernama Umar Mas'ud. Beliau tidak terus mempercayai berita yang di dengarnya. Beliau ingin membuktikannya sendiri, sehingga Maulana Umar Mas'ud berkali-kali pergi ke Sawah Rujing untuk melihat kegiatan raja Babileono di tempat istirahatnya yang terdapat di dusun Pedalaman. Setelah ia yakin akan kemungkaran raja tersebut, maka tergeraklah hasratnya untuk mengislamkan raja Babileono.

Dalam pertemuan itu, Maulana Umar Mas'ud dengan penuh kebijaksanaan mangajak dan menyuruh raja Babileono untuk memeluk Islam. Ajakan dan seruan itu di tolak oleh raja dan sampai berulang-ulang Umar Mas'ud menyatakan maksudnya itu, tetapi selalu di tolak oleh raja tersebut. Akhirnya raja kafir tersebut mengajukan cabaran kepada Umar Mas'ud bahawa beliau harus mengadu kekuatan dan kesaktian, yang mana dengan syarat bahawa siapa yang kalah harus tunduk dan patuh kepada yang menang. Cabaran dan syarat tersebut diterima oleh

²⁴⁴K. H. R. Abdurrahman, *op. cit.*, h. 6-7. Dalam wawancara dengan beliau juga disebutkan tentang cerita ini pada tarikh 12 Mei 2008

Umar Mas'ud. Seterusnya ditentukan waktu dan tempat dilaksanakan adu sakti dan kekuatan tersebut. Pada masa yang telah ditentukan, maka berkumpullah semua pembantu raja beserta rakyatnya yang ingin menyaksikan adu kekuatan dan kesaktian itu di sebuah padang yang sudah ditentukan. Raja Babileono dan Maulana Umar Mas'ud sudah berada di tengah-tengah padang, seperti mana lazimnya dengan keadaan kehidupan pamimpin-pemimpin terdahulu. Adu sakti antara keduanya berjalan dengan mengadu kesaktian dan kekuatan ilmu batin dengan cara raja Babileono merobohkan pokok kayu yang sangat besar tanpa alat pembantu apapun. Raja mempersilahkan Maulana Umar Mas'ud untuk menegakkan kembali pokok yang telah tumbang itu. Maulana Umar Mas'ud dengan tenang menghampiri dan mendekati pokok besar yang telah tumbang dan menyapu sebahagian batang pokok tersebut dengan tangannya. Kemudian pokok itu bergerak dan tegak kembali seperti sedia adanya. Sekarang tiba masa untuk Maulana Umar Mas'ud. Beliau mengambil dan menghalau seekor kerbau ke tengah-tengah padang. Kerbau itu lalu ditumbangkan dengan tongkat yang di tangan beliau. Seterusnya beliau mempersilahkan raja Babileono mengangkat dan membangunkan kerbau tersebut. Raja Babileono menghampirinya, kemudian berusaha mengangkat dan membangunkan kerbau tersebut, tapi usaha raja tersebut sia-sia sahaja. Berbagai cara dan kekuatan yang ia lakukan, namun usahanya itu tidak membawa hasil sama sekali. Dan raja Babileono dipersilakan untuk meminta bantuan para pembantunya oleh Maulana Umar Mas'ud untuk mengangkat dan membangunkan kerbau itu. Tetapi usaha bantuan itupun tiada hasil juga. Kerana raja Babileono sudah tidak berdaya lagi untuk membangunkan kerbau tersebut sekalipun dibantu oleh pembantunya, maka Maulana Umar Mas'ud datang menghampiri kerbau tersebut dan dengan tongkatnya beliau

mengangkat dan membangunkan. Gemparlah di sekitar tempat adu kesaktian dan kekuatan tersebut. Kerana kekalahannya, raja Babileono langsung marah dan tidak dapat menahan rasa malunya dan di tambah pula harus tunduk dan patuh kepada Maulana Umar Mas'ud sebagaimana yang telah dijanjikan dan disepakati bersama. Maka tiba-tiba raja Babileono menghunuskan pedangnya menyerang Maulana Umar Mas'ud. Tetapi dengan pertolongan Allah Swt, beliau dengan cepat dan tangkas menepis serangan itu, kerana dengan kerasnya tepisan dan pukulan tongkat itu akhirnya terkena pedang sang raja, maka pedang itu berbalik arah terkena raja Babileono sendiri, sehingga ia terluka dan meninggal dunia serta mayatnya dibuang kelautan. Setelah raja Babileono mangkat, maka sesuai dengan perjanjian sebelumnya Maulana Umar Mas'ud mengambil alih kekuasaan dan pemerintahan di Pulau Bawean. Beliau selain sebagai raja, beliau juga bertindak sebagai pendakwah, mengajarkan dan menyiarkan ajaran Islam kepada setiap penduduk.